Terma dan Syarat (“Terma”)

Dikemaskini pada: January 15, 2022

Sila membaca Terma dan Syarat (“Terma”, “Terma dan Syarat”) ini dengan teliti sebelum menggunakan aplikasi K-GLOBALLINK (“Aplikasi”, “Aplikasi Mobil”, “Perkhidmatan”) yang dikendalikan oleh K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. (“kami”, “kita”) dan DBO Plus Sdn. Bhd. (“rakan kongsi”).

Pengaksesan anda dan penggunaan Aplikasi dan/atau Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada Terma ini dan anda bersetuju menerima dan mematuhi Terma ini. Terma ini terpakai kepada semua pelawat, pengguna dan sesiapa yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan tersebut.

Dengan mengakses atau menggunakan Aplikasi dan/atau Perkhidmatan tersebut, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma ini. Jika anda tidak bersetuju dengan mana-mana bahagian terma-terma ini, maka anda boleh memilih untuk tidak mengakses Aplikasi tersebut.

1. LOG MASUK

Anda boleh mengakses bahagian-bahagian aplikasi K-GLOBALLINK yang memerlukan log masuk dengan Kod Pengedar/Pelanggan K-LINK and Kata Laluan. Anda bersetuju akan bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan kata laluan anda atau pengenal pasti akaun lain yang anda pilih dan semua aktiviti yang berlaku dalam akaun anda.

Dengan log masuk aplikasi K-GLOBALLINK, anda bersetuju bahawa:

(i) Akaun dan kata laluan anda adalah maklumat peribadi dan tidak boleh digunakan oleh orang lain untuk mengakses aplikasi K-GLOBALLINK;

(ii) Anda tidak akan membuat akaun pendaftaran untuk tujuan menyalahgunakan fungsi aplikasi tersebut atau pengguna lain; dan anda tidak akan menyamar diri sebagai pengguna lain;

Anda setuju untuk memberitahu kami dan/atau rakan kongsi dengan serta-merta, jika anda menyedari kata laluan atau akaun anda telah disalahgunakan oleh orang lain.

2. TERMA-TERMA PENGGUNAAN

2.1. Anda tidak akan, dan tidak membenarkan pihak ketiga bagi pihak anda :

(i) membuat dan mengedarkan salinan Aplikasi;

(ii) mencuba untuk menyalin, menghasilkan semula, mengubah, mengubah suai, kejuruteraan balikan, membuka, menyusun, memindahkan, bertukar-tukar, atau menterjemahkan Aplikasi; atau

(iii) mewujudkan kerja terbitan Aplikasi dalam apa-apa jenis yang lain.

2.2. Aplikasi ini disediakan kepada anda untuk kegunaan peribadi, bukan kegunaan komersial. K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. mempunyai hak untuk meminda atau menarik balik Aplikasi ini, atau mengenakan bayaran bagi aplikasi atau perkhidmatan yang diberikan kepada anda selaras dengan terma-terma ini pada bila-bila masa atas apa jua sebab.

2.3. Anda mengakui bahawa terma-terma perjanjian dengan pembekal perkhidmatan internet mobil ('Pembekal Mobil') anda akan terus berkuatkuasa apabila menggunakan Aplikasi ini. Dengan itu, anda mungkin dikenakan caj oleh Pembekal Mobil untuk akses kepada perkhidmatan sambungan rangkaian bagi tempoh sambungan semasa mengakses Aplikasi ini atau apa-apa caj pihak ketiga seperti yang mungkin timbul. Anda akan bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang timbul.

2.4. Jika anda bukan pembayar bil untuk telefon bimbit atau peranti mobil yang digunakan untuk mengakses Aplikasi ini, anda akan dianggap telah menerima kebenaran daripada pembayar bil untuk menggunakan Aplikasi ini.

3. PERLINDUNGAN DATA

Sebarang maklumat peribadi yang anda diberikan kepada K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. apabila menggunakan Aplikasi ini akan digunakan oleh K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

4. DASAR PRIVASI

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. menghormati privasi setiap individu yang melibatkan data peribadi dan komited untuk memelihara privasi para pengguna kami dan akan berusaha memberikan pengalaman pengguna yang selamat dan terjamin. Polisi Privasi ini dirumuskan mengikuti Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, yang menjelaskan kaedah Maklumat Peribadi anda diambil dan digunakan, serta hak anda berkenaan Maklumat Peribadi anda.

5. HAK-HAK PROPRIETARI DAN LESEN

5.1. Semua cap dagang, hak cipta, hak pangkalan data dan hak harta intelek lain dalam apa-apa unsur dalam Aplikasi ini, bersama dengan kod perisian asas adalah dimiliki sama ada secara langsung oleh DBO Plus Sdn. Bhd. atau pemegang lesen DBO Plus Sdn. Bhd.

5.2. DBO Plus Sdn. Bhd. memberikan anda lesen bukan ekslusif, di seluruh dunia, dan bebas royalti untuk menggunakan Aplikasi ini untuk perniagaan K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. anda dan kegunaan peribadi menurut Terma ini.

6. KETERSEDIAAN

6.1. Aplikasi Mobil boleh berfungsi pada peranti mobil yang menjalankan Sistem Operasi Apple iOS dan Android OS. DBO Plus Sdn. Bhd. dan K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan Aplikasi ini boleh berfungsi pada setiap masa. Walau bagaimanapun, anda harus mengakui bahawa Aplikasi ini disediakan melalui internet dan rangkaian mobil, maka kualiti dan ketersediaan Aplikasi ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor di luar kawalan munasabah DBO Plus Sdn. Bhd. dan K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd.

6.2. DBO Plus Sdn. Bhd. dan K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap ketiadaan Aplikasi ini atau apa-apa kesukaran atau ketidakupayaan untuk memuat turun dan/atau mengakses kandungan dan/atau mana-mana kegagalan sistem komunikasi yang mungkin mengakibatkan Aplikasi tidak berfungsi.

7. KEPERLUAN SISTEM

7.1. Untuk menggunakan Aplikasi Mobil ini, anda dikehendaki mempunyai telefon bimbit atau peranti mobil yang serasi, akses internet dan spesifikasi minimum yang diperlukan (‘Keperluan Perisian’).

7.2. Keperluan Perisian adalah seperti berikut: peranti Apple iOS yang menjalankan iOS 9.0, dan peranti Android OS yang menjalankan Android OS 6.0; Keperluan Bahasa: Bahasa Inggeris, Bahasa Cina (Cina Ringkas) dan Bahasa Malaysia.

8. HAD LIABILITI

8.1. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk perinteraksian dengan pengguna lain di platform K-GLOBALLINK, K-LINK International secara dalam talian, luar talian atau peribadi sama ada sebagai pengedar atau tetamu. Kami menafikan semua liabiliti dan jaminan berkenaan perinteraksian tersebut. Kami tidak melakukan pemeriksaan latar belakang kriminal, pencarian penjenayah seksual, atau kajian latar belakang lain mengenai pengguna platform K-GLOBALLINK K-LINK International. Anda tidak boleh mengharapkan bahawa kami akan melakukan pemeriksaan latar belakang kriminal, jenayah,penjenayah seksual, atau penyelidikan latar belakang lain pada platform K-GLOBALLINK K-LINK International walaupun kami mempunyai hak untuk melakukannya.

8.2. Kami tidak boleh memberi jaminan atau bertanggungjawab dalam pengesahan tepat ke atas pernyataan pengguna atau sebarang maklumat yang disediakan oleh pengguna platform K-GLOBALLINK K-LINK International.

8.3. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk perinteraksian anda dengan pengguna lain melalui platform K-GLOBALLINK K-LINK International sama ada dalam talian atau di luar talian. Perinteraksian anda dengan orang lain adalah atas risiko anda sendiri. Oleh itu, liabiliti kami yang berkaitan dengan platform K-GLOBALLINK K-LINK International – berkenaan interaksi dalam talian, luar talian, atau secara bersemuka dengan pengguna platform K-GLOBALLINK K-LINK International - terhad kepada terma dan syarat penggunaan.

8.4. Anda harus memastikan untuk mengambil semua langkah keselamatan yang diperlukan dalam perinteraksian dengan pengguna lain di platform K-GLOBALLINK K-LINK International, termasuk juga jika anda berkomunikasi dengan pengguna lain di dalam atau luar platform K-GLOBALLINK K-LINK International, perkongsian maklumat dengan pengguna lain atau perjumpaan dengan orang lain.

9. PENAMATAN

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. boleh menamatkan atau membatalkan akses anda kepada Perkhidmatan kami dengan serta-merta, tanpa notis atas apa jua sebab, termasuk tanpa had jika anda melanggar terma-terma ini. Semua peruntukan dalam Terma ini akan terus berkuatkuasa selepas penamatan, termasuk tanpa had, peruntukan pemilikan, penafian jaminan, tanggung rugi dan had liabiliti.

Selepas penamatan, hak anda untuk menggunakan Perkhidmatan akan dihentikan serta-merta. Jika anda ingin menamatkan akaun K-GLOBALLINK anda, anda perlu memaklumkan kepada K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. dengan menghantar notis bertulis mengenai keinginan anda untuk menghentikan pengunaan perkhidmatan ini (K-GLOBALLINK).

10. PRODUK

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. menawarkan pelbagai produk dalam e-beli-belah untuk kemudahan anda. Setiap produk yang terdapat dalam e-Stor dilengkapi dengan keterangan yang terperinci. Anda bertanggungjawab untuk mengesahkan maklumat dan kandungan produk yang anda akan beli melalui maklumat yang diberikan sebelum anda membuat pengesahan pesanan. Anda dianggap mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang lengkap terhadap maklumat produk yang anda beli semasa penyerahan pesanan anda.

11. JAMINAN KUALITI PRODUK

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. menyediakan produk berkualiti dengan kos yang rendah. Pihak syarikat bersedia untuk menggantikan sebarang kerosakan produk yang dijual kepada pengedar dan pelanggan. Tetapi, jaminan ini tidak meliputi produk-produk yang sengaja dirosakkan, dicemar, disalahgunakan atau produk yang telah tamat tempoh tarikhnya.

Jika pelanggan dapat memberi bukti yang mencukupi, K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan menggantikan semula produk-produk yang berkenaan berdasarkan ke atas tuntutan tersebut. Begaimanapun, pelanggan perlu menunjukkan resit pembelian bersama barang-barang berkenaan, supaya pengedar berkenaan akan menyerahkan barang-barang yang dipulangkan bersamaan resit pembelian rasmi dan mengisi borang untuk dihantar ke ibu pejabat.

12. POLISI JAMINAN PRODUK DAN PEMBELIAN BALIK

12.1 K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. menjamin kepada pelanggan-pelanggan runcit untuk memulangkan wang ataupun menggantikan semula barang-barang yang dijual dalam tempoh 180 hari dari tarikh pembelian.

12.2 Mengikut polisi jaminan produk, pengedar yang dilantik menerima balik produk-produk mesti memulangkan semula produk-produk kepada ibu pejabat.

12.3 Berikut merupakan garisan tanggungjawab bagi jaminan produk kami:

Pelanggan > Pengedar > Pemimpin > K-Link

12.4 Bilakah pengedar / pelanggan boleh memohon Pengembalian / Pemulangan tunai?
Sekiranya terdapat pertikaian / tolak bayar yang diterima daripada pengedar / pelanggan untuk permintaan di bawah: -

- Tidak menerima pesanan
- Menerima produk yang tidak lengkap (e.g. Jumlah kuantiti yang kurang)
- Menerima produk yang salah (e.g. Ukuran yang salah, warna yang salah, produk yang berbeza)
- Menerima produk dengan kerosakan fizikal (e.g. Kemek, calar, pecah, bocor)
- Menerima produk yang rosak (e.g. Kerosakan, tidak berfungsi seperti yang diharapkan)

Semua di atas adalah di bawah syarat bahawa TIDAK disebabkan oleh pembeli.

12.5 Polisi jaminan produk dan pembelian balik K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan dijalankan semasa tarikh jualan pengedar bagi tempoh sah 180 hari. Selepas tamat tempoh berkenaan, syarikat K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. tidak akan bertanggungjawab lagi.

12.6 Syarikat K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan menolak bonus yang telah dikeluarkan, yuran perkhidmatan dan kos penghantaran, 10% daripada harga pengedar sebelum pengembalian tunai dibuat. Baki yang selebihnya akan dibayar dengan cek atau perbankan dalam talian.

13. PESANAN ANDA

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan cuba sedaya upaya untuk memberikan maklumat produk dan harga yang paling tepat di dalam aplikasi ini; Sekiranya harga sesuatu produk didapati tidak betul, kami mungkin, sama ada menghubungi anda untuk memberikan arahan seterusnya atau membatalkan pesanan anda serta memberitahu anda mengenai pembatalan atau pengubahan tersebut atas budi bicara kami.

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. berhak untuk menolak atau membatalkan pesanan-pesanan tersebut tidak kira sama ada pesanan tersebut telah disahkan dan kad kredit atau akaun bank anda telah dikenakan bayaran.

14. PROGRAM SMARTSHIP

14.1 Program Smartship adalah satu kemudahan pembelian semula automatik yang ditawarkan kepada pengedar-pengedar K-LINK untuk membeli produk K-LINK yang terpilih dengan mudah untuk bulan yang berturut-turut (Cth. 3 / 6 / 12 bulan) dan mengenakan caj untuk pembayaran menggunakan kad kredit/debit pengedar secara automatik untuk tempoh tersebut.

14.2 Langganan Program Smartship menawarkan ganjaran/penjimatan yang menarik selepas langganan Berjaya dibuat. Dengan menandatangani Program Smartship ini, pengedar bersetuju dan mengizinkan K-Link International Sdn. Bhd. untuk mengecaj kad kredit/debit pengedar masing-masing secara automatik untuk tempoh langganan masing-masing.

14.3 Langganan Program Smartship dan tempahan produk K-Link terpilih hanya tersedia **DALAM TALIAN** melalui laman web e-dagang K-Globallink (www.k-globallink.com).

14.4 Hanya pembayaran kad kredit/debit diterima. Kad kredit/debit yang didaftarkan mestilah:

i. sah pada masa penandatangan Program Smartship
ii. sekurang-kurangnya 7 bulan sebelum tamat tempoh
iii. dana yang mencukupi diperuntukkan untuk pengecasan automatik
iv. mengizinkan perkhidmatan pembayaran automatik
v. mengaktifkan e-dagang dan transaksi dalam talian untuk Kad Debit

Penukaran kad selepas pembayaran bulan pertama adalah **TIDAK** dibenarkan.

Pembayaran melalui perbankan dalam talian atau kaedah pembayaran lain adalah **TIDAK** dibenarkan.

14.5 K-Link International Sdn. Bhd. tidak bertanggungjawab untuk menghantar produk atau tidak membenarkan pengedar untuk membuat pungutan produk sekiranya kad yang ditetapkan gagal dicaj atas sebab kad telah tamat tempoh, melebihi had, tidak sah, dibatalkan atau sebarang sebab lain.

K-Link International Sdn. Bhd. berhak untuk mengubahsuai atau menamatkan langganan Program Smartship mengikut budi bicara mutlaknya.

14.6 Untuk langganan Program Smartship melalui kaedah penghantaran,

i. kaedah penghantaran pesanan pertama;
ii. alamat penghantaran pesanan pertama;
iii. tarikh penghantaran pesanan pertama

akan digunakan secara automatik sebagai butiran penghantaran pesanan seterusnya jika tiada perubahan dibuat (**sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh pengecasan kad**).

14.7 Untuk langganan Program Smartship melalui kaedah pengambilan,

i. kaedah pengambilan pesanan pertama;
ii. lokasi pengambilan pesanan pertama;
iii. tarikh pengambilan pesanan pertama

akan digunakan secara automatik sebagai butiran pengambilan pesanan seterusnya jika tiada perubahan dibuat (**sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh pengecasan kad**).

14.8 Selepas langganan Program Smartship Berjaya dibuat, pesanan akan diproses dalam masa **SATU** hari bekerja selepas tarikh langganan. **Bayaran bulan pertama WAJIB dibuat untuk langganan Program Smartship diteruskan.**

14.9 Kad kredit/debit pengedar akan terus dicaj untuk bulan-bulan berikutnya mengikut pelan langganan, dan amaun yang dikenakan adalah berdasarkan produk yang dipilih & kos penghantaran jika kaedah penghantaran dipilih.

14.10 Pengedar **WAJIB** untuk melengkapkan keseluruhan pelan langganan Program Smartship jika mereka ingin menikmati ganjaran/penjimatan hebat sehingga bulan terakhir. Jika tidak, mereka hanya layak mendapat ganjaran/ penjimatan pada masa mereka menggantungkan langganannya.

14.11 Untuk sebarang pembayaran yang gagal, **HANYA** setelah mendapat kelulusan pihak pengurusan K-Link International Sdn. Bhd., kami akan memberi tempoh tangguh selama **SATU hari untuk membuat pembayaran secara MANUAL.** Kegagalan berbuat demikian akan menjamin penamatan/pembatalan secara automatik bagi Program Smartship yang dilanggan.

14.12 Pengedar boleh memilih untuk menghentikan langganan Program Smartship pada bila-bila masa (**sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh pengecasan kad**). Walau bagaimanapun, awal/sebarang pembatalan langganan ini akan membatalkan kelayakan pengedar bagi semua ganjaran/penjimatan selepas pembatalan.

14.13 Pembatalan langganan Program Smartship adalah tanpa sebarang penalti dan terpakai untuk keseluruhan langganan, **tiada pembatalan separa dibenarkan**. Selepas pembatalan, langganan tidak dibenarkan untuk diaktifkan semula. Pengedar perlu menandatangani semula untuk langganan Program Smartship yang baru.

Pembatalan langganan Program Smartship sebelum melengkapkan keseluruhan pelan, langganan semula akan dianggap sebagai bermula semula dari bulan pertama.

Bagi Program Smartship 6 bulan, jika langganan semula adalah dalam **tempoh 6 bulan** dari tarikh pembatalan langganan Smartship sebelumnya, pengedar **TIDAK** layak mendapat ganjaran/penjimatan bulan pertama secara automatik.

14.14 Produk yang dibeli melalui Program Smartship adalah **TIDAK BOLEH DIPULANG / DIKEMBALIKAN / DITUKAR.**

14.15 Tiada penukaran produk / pelan tempoh setelah langganan dimulakan. Hanya saiz atau warna produk yang di bawah harga yang sama dibenarkan bertukar kepada saiz atau warna yang berbeza (**sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh pengecasan kad**).

14.16 Langganan Program Smartship adalah tidak sah dengan mana-mana promosi, tawaran hangat atau tawaran khas yang sedang dijalankan, iaitu PWP atau dengan mana-mana promosi lain yang berkaitan dalam tempoh langganan.

14.17 Untuk penghantaran, pengedar akan menerima barang yang dipesan dalam tempoh 3-5 hari bekerja. “Hari Bekerja” bermaksud Isnin hingga Jumaat dan tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan hari cuti negeri, cuti umum dan hari cuti Wilayah Persekutuan (Kelewatan mungkin berlaku semasa tempoh EMCO/MCO/PKPP atau apabila berlaku bencana alam yang tidak dijangka seperti banjir atau sebab-sebab lain yang tidak dijangka).

14.18 Pengedar boleh mengubahsuai butiran langganan Program Smartship mereka **sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh pengecasan kad.**

Pengedar boleh membuat perubahan pada pesanan seterusnya untuk:-
a. Kaedah pengambilan atau penghantaran seterusnya
b. Lokasi pengambilan atau alamat penghantaran seterusnya
c. Tarikh pengambilan atau tarikh penghantaran seterusnya
d. Saiz atau warna produk untuk harga yang sama sahaja

Perubahan akan berkuat kuasa pada bulan pesanan seterusnya atau kepada semua bulan pesanan seterusnya jika perubahan ditetapkan pada semua bulan

pesanan seterusnya. Perubahan untuk bulan pesanan individu adalah dibenarkan.

Perubahan hanya boleh dibuat secara **DALAM TALIAN** melalui laman web e-dagang K-Globallink (www.k-globallink.com).

14.19 Pengedar dibenarkan membuat langganan Program Smartship untuk sendiri atau untuk downline.

14.20 Terma dan syarat di sini adalan bukan kesuruhan. K-Link International Sdn. Bhd. berhak untuk menambah, meminda atau memadam mana-mana Terma & Syarat di atas Program Smartship ini tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu.

15. PENGHANTARAN & PENYERAHAN

K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan memproseskan pesanan disahkan anda yang telah dibayar sebaik sahaja pembelian atas talian anda telah dilengkapkan. Untuk penghantaran, anda akan menerima barang pesanan anda dalam masa 3-5 hari bekerja. “Hari Bekerja” bermaksud Isnin hingga Jumaat dan tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan hari cuti negeri, cuti umum serta hari cuti Wilayah Persekutuan (Kelewatan mungkin berlaku semasa tempoh EMCO/MCO/PKPP atau apabila berlaku bencana alam yang tidak dijangka seperti banjir atau sebab-sebab lain yang tidak dijangka).

16. K-PAGE

16.1 K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. tidak membenarkan aktiviti di bawah diposkan:-

- Kebogelan atau kandungan seksual lain yang tidak senonoh
- Ucapan kebencian, ugutan yang boleh dipercayai atau serangan langsung ke atas individu atau kumpulan
- Kandungan yang memudaratkan diri atau keganasan melampau
- Profil palsu atau penyamaran
- Spam

16.2 K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. akan menyemak laporan penyalahgunaan dan berhak untuk menghapus apa-apa aktiviti yang diposkan apabila terdapat penyalahgunaan dilaporkan di K-PAGE.

16.3 K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. boleh mengakses, mengekalkan dan berkongsi maklumat apabila kami percaya adalah perlu untuk: mengesan, mencegah dan menangani penipuan dan aktiviti haram yang lain; untuk melindungi kami, anda dan orang lain, termasuk sebagai sebahagian daripada penyiasatan; atau untuk mengelakkan kematian atau kecederaan tubuh badan daripada berlaku.

16.4 K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. boleh menamatkan atau membatalkan akses anda kepada Perkhidmatan kami dengan serta-merta, tanpa notis atas apa jua sebab, termasuk tanpa had jika anda melanggar terma-terma ini.

17. PENAFIAN WARANTI

Sehingga ke tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang dan untuk mengelakkan sebarang keraguan, DBO Plus Sdn. Bhd. dan K-LINK INTERNATIONAL Sdn. Bhd. menafikan semua waranti tersirat berkenaan dengan Aplikasi ini. Aplikasi dan perisian ini disediakan atas dasar “seadanya” dan “sebagaimana tersedia” tanpa sebarang waranti dalam apa jua bentuk.
